

**PENYATA PENDEDAHAN PRODUK**

Penting: Sila baca Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Kad Kredit BSN Al-Aiman. Pastikan anda juga membaca Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard yang tersedia di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my). Dapatkan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard.

**BANK SIMPANAN NASIONAL****PRODUK: KAD KREDIT BSN AL-AIMAN**
**TARIKH :** \_\_\_\_\_  
 (untuk diisi oleh Wakil Jualan / Cawangan)
**1. Apakah produk ini?**

Kad Kredit BSN Al-Aiman ("Kredit Kad-i BSN") adalah Kad Kredit Islamik yang diberikan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) berdasarkan Syariah Ujrah (yuran sebagai balasan ke atas perkhidmatan yang disediakan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan) dan Qard merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam, di mana pada akhirnya, bayaran balik pinjaman adalah sama dengan jumlah yang dipinjam.

Kad Kredit-i BSN ini dilengkapi dengan had kemudahan yang diberikan oleh BSN kepada anda dan sekiranya apa-apa amaun kemudahan yang anda gunakan tidak diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh yang perlu dibayar, jumlah yang belum diselesaikan, akan tertakluk kepada yuran pengurusan sebenar. Kad Kredit-i BSN yang ditawarkan tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard.

**2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?****a) Had Kemudahan**

Setiap had kemudahan Kad Kredit-i BSN akan ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan pemohon, penilaian kredit individu dan jenis kad kredit yang dipohon. Had kemudahan untuk pemegang Kad Kredit-i BSN adalah tertakluk kepada budi bicara BSN dan had kemudahan masing-masing bagi setiap Kad Kredit-i BSN adalah seperti berikut:

Jenis Kad Kredit-i	Pendapatan Minimum (Setahun)	Had Kemudahan	**Cagaran BSN SSP/ BSN Term Deposit-i
Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Klasik	*RM24,000	Akan ditentukan berdasarkan penilaian kredit anda.	Had kemudahan berdasarkan 95% daripada jumlah yang dicagarkan.
Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Emas	*RM36,000		
Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Platinum	RM48,000		
Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas	*RM24,000		
Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa	*RM24,000		
Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Emas	*RM24,000		
Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Platinum	RM60,000		

Nota:

- (\*) Sekiranya pendapatan tahunan anda ialah RM36,000 atau kurang, had kemudahan tidak akan melebihi dua (2) kali dari pendapatan bulanan anda.
- (\*\*) Untuk menggantikan bukti pendapatan, anda boleh membuat sandaran Sijil Simpanan Premium (SSP)/BSN Term Deposit-i. Jumlah sandaran minimum ialah RM4,000 dan mungkin berbeza tertakluk kepada jenis kad. Permohonan ini juga akan tertakluk kepada kelulusan dan BSN berhak menentukan had kemudahan yang diluluskan atas budi bicara. Duti setem sebanyak RM5 bagi setiap RM1,000 had kemudahan yang diluluskan akan dikenakan dan dicaj kepada akaun kad kredit-i anda. Tertakluk pada terma dan syarat lain.

**b) Yuran Pengurusan****i. Yuran Pengurusan Tetap**

Yuran Pengurusan Tetap adalah had maksimum Yuran Pengurusan Sebenar yang akan dicajkan. Sekiranya yuran Pengurusan Sebenar melebihi Yuran Pengurusan Tetap, pihak BSN hanya boleh mengenakan yuran kepada Pemegang Kad Kredit-i BSN sehingga jumlah Yuran Pengurusan Tetap seperti berikut:

Jenis Kad Kredit-i BSN	Yuran Pengurusan Tetap
Klasik	RM3,600
Emas	RM13,500
Platinum	RM36,000

Pihak BSN, harus memberikan rebat (Ibra') kepada Pemegang Kad Kredit-i BSN yang mana jumlahnya akan ditentukan dan dikira mengikut budi bicara pihak BSN. Jumlah rebat (Ibra') akan ditentukan berdasarkan kepada perbezaan antara Yuran Pengurusan Tetap dan Yuran Pengurusan Sebenar. Jika anda membuat bayaran penuh sebelum atau pada tarikh akhir bayaran setiap bulan, pihak BSN tidak boleh mengenakan sebarang caj Yuran Pengurusan Sebenar untuk bulan tersebut. Rebate (Ibra') pada Yuran Pengurusan Tetap adalah tertakluk kepada garis panduan Kad Kredit-i Bank Negara Malaysia ke atas Struktur Penetapan Harga Berperingkat.

ii. **Yuran Pengurusan Sebenar:**

• **Pembelian Runcit**

Yuran Pengurusan Sebenar akan dikenakan ke atas baki tertunggak transaksi runcit yang tidak dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Pengiraan Yuran Pengurusan Sebenar bermula dari tarikh transaksi diposkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit-i BSN berdasarkan kadar berikut:

Syarat	Kerajaan	Swasta	TeachersCard	G-Card	UUM Emas /Platinum
	Klasik / Emas / Platinum				
<b>Peringkat I</b> Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu di bayar selama 12 bulan berturut-turut	11% setahun	13.5% setahun	8.88% setahun	8.88% setahun	9.95% setahun
<b>Peringkat II</b> Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu dibayar bagi 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan	13.5% setahun	16% setahun	9.99% setahun	13% setahun	13.5% setahun
<b>Peringkat III</b> Pemegang Kad yang tidak termasuk di dalam kategori-kategori di atas	17.5% setahun	17.5% setahun	14% setahun	17.5% setahun	17.5% setahun

Untuk menikmati yuran pengurusan sebenar yang lebih rendah untuk transaksi runcit, anda harus membuat sekurang-kurangnya 10 bulan pembayaran tepat masa dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

• **Pendahuluan Tunai**

Yuran Pengurusan Sebenar akan dikenakan pada kadar 1.5% sebulan yang bersamaan 18% setahun dan dikira pada kadar harian dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit- BSN. Anda boleh mengeluarkan sehingga 75% daripada had kemudahan yang tersedia.

c) **Tiada Fi Tahunan**

Fi tahunan dikecualikan seumur hidup untuk Kad Utama dan Kad Tambahan tanpa sebarang syarat.

d) **Perlindungan Takaful Kemalangan Perjalanan (Untuk kad-i terpilih sahaja)**

Perlindungan Takaful kemalangan secara automatik apabila anda membayar tambang perjalanan penuh tiket kapal terbang menggunakan Kad Kredit-i BSN seperti berikut:

Kad-i yang Layak	*Jumlah Perlindungan
Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Emas Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Emas	Sehingga RM100,000
Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Platinum Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Platinum	Sehingga RM300,000

\*Tertakluk pada terma & syarat polisi Takaful.

e) **Penggunaan Kad Kredit-i BSN untuk transaksi berkaitan tol**

Kad Kredit-i BSN didayakan secara automatik untuk membayar transaksi berkaitan tol dengan mengimbas Kad Kredit-i BSN pada terminal pembayaran. Pilihan cara pembayaran tol menggunakan Kad Kredit-i BSN akan diusahakan oleh Touch n' Go Group dengan kebenaran pembayaran secara tertunda, yang mana berpotensi menyebabkan perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa sebenar transaksi.

**3. Apakah tanggungjawab saya?**

• **Bayaran Minimum Bulanan**

5% baki semasa\* + 100% ansuran bulanan (jika ada)\*\* + 100% amaun tunggakan (jika ada) + amaun melebihi had kemudahan (jika ada) ATAU RM50 yang mana lebih tinggi.

\*Baki semasa = Cukai Perkhidmatan + transaksi runcit (jika ada) + amaun pendahuluan tunai (jika ada) + yuran pengurusan dan/atau caj ganti rugi pembayaran lewat dan sebarang fi dan caj lain yang berkaitan (jika ada).

\*\*Terpakai kepada program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN *EasyCash*, Pelan 0% *EasyPay* BSN, Pelan *Instalment-Pay* BSN yang BAHARU, Penukaran Baki Automatik (ABC) dan pelan ansuran lain yang disediakan dari semasa ke semasa yang diluluskan bermula dari 2 Oktober 2019.

- **Tempoh Tanpa Yuran Pengurusan (tidak termasuk untuk Pelan Pindahan Baki, EasyCash dan Pendahuluan Tunai)**

Bagi urus niaga runcit - 20 hari dari tarikh penyata, sekiranya semua urus niaga runcit bulanan sebelumnya telah dibayar sepenuhnya sebelum atau pada tarikh akhir pembayaran. Jika tidak, yuran pengurusan pada transaksi runcit akan dikira dari tarikh pengeposan transaksi.

- **Liabiliti Pemegang Kad Kredit-i BSN**

Pemegang Kad Kredit-i BSN bertanggungjawab untuk tidak membeli atau menggunakan barangan dan perkhidmatan yang tidak halal serta memastikan Kad Kredit-i BSN tidak digunakan untuk urusniaga yang tidak berlandaskan Syariah.

Anda mesti memastikan bahawa anda mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk memastikan Kad Kredit-i BSN dan PIN anda dilindungi sepanjang masa. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) TIDAK:

- mendedahkan butiran Kad Kredit-i BSN atau PIN anda kepada mana-mana orang lain.
- menulis PIN anda pada Kad Kredit-i BSN, atau apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit-i BSN, yang boleh hilang atau dicuri dengan Kad Kredit-i BSN atau apa sahaja dan di mana sahaja yang dapat difahami oleh mana-mana orang lain sebagai PIN ke Kad Kredit-i BSN anda.
- menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon.
- membenarkan Kad Kredit-i BSN di luar penjagaan.
- membenarkan mana-mana orang menggunakan Kad Kredit-i BSN dan/atau PIN.

Anda mesti memaklumkan BSN:

- sebaik sahaja menerima notifikasi transaksi SMS jika transaksi itu tidak sah; atau
- dengan segera setelah mendapati bahawa Kad Kredit-i BSN anda hilang, dicuri, transaksi yang tidak sah telah berlaku dan/atau terdapat pendedahan PIN anda; atau
- dengan segera sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam nombor telefon pemegang kad.

- Anda mesti menggunakan Kad Kredit-i BSN secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad Kredit-i BSN untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- Anda mesti menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa penangguhan.
- Anda mesti mematuhi terma dan syarat untuk menggunakan Kad Kredit-i BSN di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)
- Sebagai Pemegang Kad Kredit-i BSN Utama, anda akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Kredit-i BSN Tambahan.

#### 4. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar?

Yuran dan Caj	Perihal
Yuran Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Kredit-i BSN Utama – Dikecualikan Sepanjang Hayat</li> <li>• Kad Kredit-i BSN Tambahan – Dikecualikan Sepanjang Hayat</li> </ul>
Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Kredit-i BSN Utama – RM25 setahun bagi setiap kad</li> <li>• Kad Kredit-i BSN Tambahan – RM25 setahun bagi setiap kad</li> </ul>
Yuran Pendahuluan Tunai (jika terpakai)	2.69% daripada jumlah yang dikeluarkan atau minimum RM12.75, yang mana lebih tinggi akan dikenakan kepada akaun Kad Kredit-i BSN bagi setiap urusniaga Pendahuluan Tunai yang dibuat.
Yuran Penggantian Kad Kredit-i BSN (jika terpakai)	Penggantian Kad Kredit-i BSN untuk kali pertama: dikecualikan. Penggantian Kad Kredit-i BSN untuk kali yang kedua dan seterusnya: RM50 untuk setiap Kad Kredit-i BSN.
Yuran untuk Permintaan Deraf Jualan (jika terpakai)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Deraf Jualan Asal – RM15 setiap satu salinan</li> <li>• Salinan Fotokopi Deraf Jualan – RM5 setiap satu salinan</li> </ul>
Yuran Penyata Tambahan Kad Kredit-i BSN (jika terpakai)	RM5 bagi setiap penyata bulanan.
Tukaran Bagi Transaksi Luar Negara (jika terpakai)	Transaksi yang dilakukan di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar harian transaksi kerana turun naik pasaran. Kadar tukaran adalah berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Visa International/ Mastercard Worldwide ditambah kos pentadbiran sebanyak 1% serta termasuk sebarang yuran transaksi yang dikenakan oleh Visa International/ Mastercard Worldwide.
Lain-lain Yuran dan Caj (jika ada)	Terpakai kepada semua perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh BSN kepada Pemegang Kad Kredit-i BSN tertakluk kepada pemakluman melalui notis yang akan diberikan 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan

*Nota: Semua yuran dan caj yang dikenakan ke atas Akaun Kad Kredit-i BSN anda kecuali caj ganti rugi pembayaran lewat dan yuran pengurusan untuk transaksi runcit/pendahuluan tunai adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.*

## 5. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

- **Caj Ganti Rugi Pembayaran Lewat (Ta'widh)**

Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata (yang mana lebih tinggi), sehingga maksimum RM100.

- **Hak untuk Tolak Selesai**

BSN berhak membuat tolakan (set-off) atau memindahkan apa-apa jumlah yang terhutang pada satu atau mana-mana akaun anda di BSN untuk menyelesaikan obligasi dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada BSN tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tolakan (set-off) atau pindahan tersebut dilaksanakan.

- **Liabiliti untuk Transaksi yang Tidak Diberikuasa**

Anda mesti mengamalkan langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kehilangan Kad Kredit-i BSN anda. Jika Kad Kredit-i BSN anda hilang atau dicuri, anda mesti memberitahu BSN dengan serta-merta, diikuti dengan pengesahan bertulis bersama dengan salinan laporan polis tidak lewat dari tujuh (7) hari dari kejadian tersebut.

Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda:

- i. melakukan penipuan; atau
- ii. menaguhkannya dalam memaklumkan BSN dengan secepat yang mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit-i BSN anda tanpa kebenaran; atau
- iii. secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
- iv. mencatatkan PIN pada Kad Kredit-i BSN atau apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit-i BSN anda.

Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi yang tidak sah yang memerlukan pengesahan tandatangan atau transaksi tanpa sentuh, jika anda:

- i. melakukan penipuan; atau
- ii. menaguhkannya dalam memaklumkan BSN secepat yang mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit-i BSN anda tanpa kebenaran; atau
- iii. meninggalkan Kad Kredit-i BSN atau item yang mengandungi Kad Kredit-i anda tanpa jagaan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
- iv. secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit-i BSN anda.

Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit-i BSN, BSN berhak untuk menamatkan Kad Kredit-i anda dan keseluruhan baki tertunggak hendaklah serta merta dibayar kepada BSN.

Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk membalas notis peringatan dan kos undang-undang akan ditanggung oleh anda (jika berkenaan). Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar atau tinggi kepada anda.

## 6. Apakah risiko utama?

- Sekiranya anda hanya membayar jumlah minimum bulanan yang perlu dibayar, yuran pengurusan dan masa yang diambil untuk menjelaskan jumlah keseluruhan baki akan bertambah. Fikirkan keupayaan pembayaran anda apabila menggunakan Kad Kredit-i BSN.
- Sekiranya anda menggunakan Kad Kredit-i BSN untuk membayar pembiayaan lain, ia akan menambahkan tanggungan anda.
- Yuran Pengurusan yang dikenakan ke atas baki tertunggak bagi Kad Kredit-i BSN ini adalah berdasarkan struktur kadar berperingkat mengikut sejarah pembayaran balik anda.
- Untuk mengelakkan Yuran Pengurusan yang dikenakan, semua Pemegang Kad yang telah melanggan kepada pelan pembayaran bulanan 'tanpa yuran pengurusan' dikehendaki membuat bayaran ansuran bulanan penuh yang dinyatakan oleh pihak BSN pada masa Pemegang Kad menyertai Pelan Pembayaran Ansuran ("Ansuran Bulanan"). Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk membayar bayaran minimum lima peratus (5%) daripada jumlah baki tertunggak di bawah Pelan Bayaran Ansuran ("Baki Tertunggak") atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), yang mana lebih tinggi dan bukan Ansuran Bulanan sepenuhnya, Yuran Pengurusan akan dikenakan.
- Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan baki Kad Kredit-i BSN, hubungi BSN dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- Anda harus memaklumkan BSN sebaik sahaja mengetahui Kad Kredit-i BSN anda hilang atau dicuri.
- Jika BSN mengesan sebarang aktiviti yang mencurigakan pada Akaun Kad Kredit-i BSN anda, BSN akan menyekat hak kemudahan anda sementara sehingga aktiviti tersebut disahkan.
- BSN berhak, dengan notis, menarik balik semua kemudahan kredit lain yang anda miliki dengan BSN sekiranya berlaku kegagalan membayar balik Kad Kredit-i BSN atau jika anda melanggar mana-mana terma dan syarat Kad Kredit-i BSN.

## 7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya baki sebelum tempoh matang? (Untuk Program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN *EasyCash*, Pelan *Instalment-Pay* BSN dan Pelan 0% *EasyPay* BSN)

Anda tidak akan dikenakan sebarang penalti penyelesaian awal jika anda menyelesaikan sepenuhnya Program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN *EasyCash*, Pelan *Instalment-Pay* BSN dan Pelan 0% *EasyPay* BSN sebelum tempoh matang. Bagaimanapun, anda akan dikenakan jumlah keseluruhan hutang kepada BSN, termasuk amaun pokok dan Yuran Pengurusan Sebenar tertunggak sebagai pembayaran akhir.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada BSN dengan segera apa-apa perubahan dalam alamat perniagaan atau kediaman dan nombor telefon anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?**

- i. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau pertanyaan tentang Kad Kredit-i BSN, anda boleh melayari laman web kami di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) atau tulis ke:

Jabatan Perniagaan Kad & Merchant  
Bank Simpanan Nasional  
Tingkat Bawah, Blok A  
117 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon : 1300-88-1900  
Faks : 03-2688 0888  
Emel : [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)

- ii. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak BSN dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia (BNM) atau BNMLINK di:

BNMLINK  
Jabatan Komunikasi Korporat  
Bank Negara Malaysia  
P.O.Box 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Telefon : 1-300-88-5465 (Waktu operasi: Isnin – Jumaat: 9.00 pagi – 5.00 petang)  
eLink (borang dalam laman sesawang): <https://telelink.bnm.gov.my>

- iii. Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah didirikan oleh BNM yang menawarkan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Telefon : 03-2616 7766  
Emel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

**NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAKI KAD KREDIT-i ANDA.**

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai Julai 2024.